

09 JAN 2001

Perdasama-Kementerian

PENIAGA MELAYU CADANG PENUBUHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) hari ini mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan Kementerian Pembangunan Bumiputera sebagai usaha mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi Bumiputera.

Presidennya Datuk Moehamad Izat Emir berkata, sudah tiba masanya Kementerian itu ditubuhkan kerana masalah ekonomi Bumiputera sejak dari zaman merdeka hingga kini masih lagi gagal diselesaikan.

"Separuh daripada zaman kemerdekaan telah ditumpu untuk pembangunan ekonomi Bumiputera tetapi kurang dari 30 peratus penguasaan dicapai dan ikatan ekonomi ini pula sangat rapuh," katanya kepada BERNAMA di pejabatnya di sini, hari ini.

Walaupun hampir setiap Kementerian dan jabatan ada tanggungjawab terhadap pembangunan Bumiputera tetapi usaha mereka tidak diselaraskan.

Beliau berkata demikian sebagai merujuk kepada kenyataan Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini di Dewan Rakyat bahawa penguasaan orang Melayu dalam ekonomi negara hanya setakat 20 peratus.

Dr Mahathir berkata daripada jumlah itu 17 peratus dikuasai oleh agensi kerajaan dan hanya tiga peratus oleh usahawan Bumiputera berbanding lebih 40 peratus oleh bangsa-bangsa lain.

Izat berkata, Kementerian yang dicadangkan ini antaranya mengenal pasti anak-anak Bumiputera yang lulus dari universiti agar diberi peluang dalam pembangunan ekonomi Bumiputera.

"Sekarang ini ramai cerdik pandai Bumiputera tetapi mereka tidak ada didikan atau peluang untuk berniaga," katanya.

Di sebalik agenda penyatuan bangsa Melayu oleh Umno dan PAS sekarang ini satu langkah seperti penubuhan Kementerian itu perlu ada untuk menaikkan martabat kaum Bumiputera ke satu tahap yang bermaruah, katanya.

Izat yang berpengalaman lama dalam perniagaan masih melihat kaum Bumiputera terkapai-kapai dalam membangunkan perniagaan mereka berbanding bangsa lain.

"Tidak seperti kaum Cina, anak mereka tidak perlu meminjam di bank untuk berniaga sebaliknya kekuatan ekonomi mereka membolehkan modal dihulur oleh sanak saudara masing-masing," katanya lagi.

-- BERNAMA

SLR AHH PR